

Jangan sampai Cameron Highlands hancur

Oleh **ZULKIFLEE BAKAR**

pengarang@utusan.com.my

PENULIS sedikitpun tidak terkejut dengan laporan bahawa penerokaan tanah secara haram berulang kembali di Cameron Highlands. Perkara itu sememangnya sudah dijangkakan.

Sejak awal tahun lalu, akhbar ini sudah mendedahkan mengenai masalah di tanah tinggi tersebut termasuklah kebanjiran warga asing. Kehadiran mereka bukan sekadar menjadi pekerja malah sudah menjadi 'tauke besar'. Malah laporan khas yang dibuat juga mendedahkan bagaimana 'tenatnya' kemusnahan alam sekitar yang dialami oleh kawasan tumpuan pelancong itu.

Apabila berlakunya tanah runtuh maka kerajaan pusat dan kerajaan negeri terpaksa bertindak. Ops Gading dilancarkan bagi memastikan penerokaan tanah haram dihentikan manakala pendatang asing tanpa izin ditangkap.

Namun apa yang didedahkan oleh Setiausaha Majlis Keselamatan, Datuk Seri Alias Ahmad kelmariin sungguh mengecewakan. Kegiatan penerokaan tanah secara haram di kawasan peranginan tersebut terus berlaku.

Persoalannya kenapa ia terjadi? Apakah penguatkuasaan lemah? atau undang-undang sedia ada masih tidak menggerunkan peneroka-peneroka haram berkenaan? Oleh itu sudah tiba masanya, demi masa depan Cameron Highlands, penguatkuasaan lebih ketat dilaksanakan. Jangan ada lagi amaran atau peringatan.

Sekarang adalah masa untuk bertindak membanteras penerokaan haram habis-habisan. Kalau perlu pindaan undang-undang lakukanlah. Jangan biarkan undang-undang menjadi 'mainan' kepada kelompok yang cuba mencari keuntungan dengan cara melanggar undang-undang.

Mungkin hukuman sedia ada tidak mencukupi sebab itulah peneroka-peneroka haram ini tidak hairan dengan tindakan yang diambil oleh mereka. Jus-

FOKUS



teru lakukan sesuatu dengan meminda undang-undang bagi membolehkan hukuman lebih berat dikenakan.

Janganlah sekadar denda, sebaliknya kenakan juga hukuman penjara sebagai penalti bersama jumlah denda yang tinggi. Percayalah, mereka mengautkan keuntungan berjuta-juta ringgit tetapi yang menanggung akibat ialah penduduk di Cameron Highlands.

MKN perlu memikirkan lebih serius bagaimana untuk menyelamatkan Cameron Highlands daripada dihancurkan oleh penerokaan haram. Kerahkanlah apa juga kekuatan yang ada bagi memburu peneroka-peneroka haram ini. Mereka seharusnya tidak boleh dibiarkan berમાharajalela di tanah tinggi tersebut seolah-olah di situ tidak ada undang-undang atau pihak yang mampu menghalang kerakusan mereka yang mampu 'menghancurkan' Cameron Highlands.

Dalam masa yang sama, siasatan terperinci juga perlu dilakukan bagi memastikan tiada elemen rasuah berlaku di peringkat apa sekalipun kerana penerokaan tanah secara haram bukanlah isu baharu, malah sudah berlaku sekian lama.

Mana mungkin kegiatan itu tidak mampu dikesan oleh pihak-pihak berkenaan. Penulis tidak berhasrat menuding jari kepada mana-mana pihak, tetapi berdasarkan maklumat dan pengalaman ketika membuat liputan di tanah tinggi tersebut, terlalu banyak persoalan yang perlu dijawab.

Apapun diharapkan MKN akan lebih agresif dalam memulihkan Cameron Highlands. Ops Gading perlu dilaksanakan secara ber-sungguh-sungguh bagi memastikan tanah tinggi tersebut dapat diselamatkan sebelum ia hancur akibat penerokaan tanah secara haram.